

# Penduduk kampung bertindak tegas

Tidak mahu berkompromi dengan pesalah sampah haram, lapor terus ke pihak berwajib

**JUGRA** - Tindakan pantas penduduk kampung untuk menghalang pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah haram di kawasan awam berhampiran Batu Hampar, Jugra mendapat perhatian pihak berwajib.

Seorang penduduk, Shahizat Yahya, 33, berkata, dia kesal dengan sikap masyarakat yang sewenang-wenangnya membuang sampah di kawasan awam tanpa memikirkan pelancong yang datang ke kawasan itu.

Menurutnya, dia mengesan terdapat beberapa lokasi sampah haram yang diwujudkan dengan melonggokkan sampah kebun termasuk kelapa sawit di kawasan lain antaranya berhampiran lokasi pendaratan *paraglider*.

"Akibatnya, kawasan itu tercemar sejak Isnin lalu. Saya pun pelik bila nampak sendiri aktiviti lori keluar masuk dan tak ada pun pihak menghalang seolah-olah kawasan itu memang tempat buang sampah.

"Bayangkan hari ini saja ada pelawat datang melawat kawasan bersejarah di kampung kita, apa pandangan mereka bila lalu bersebelahan kawasan sampah haram ni. Lepas tu ada pula garisan kuning dipasang oleh pihak berkuasa seperti kawasan kena sita pula," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Shahizat berkata, dia tidak kisah apa tanggapan penduduk lain mengenai tindakannya namun dia prihatin dengan masalah sekitar.

Katanya, kawasan itu bukan kawasan tempat pembuangan sampah, tetapi kenapa ada pihak benarkan ianya berlaku.



Penolong Pegawai Penguat kuasa MDKL Mohd Khairul Nizam Salimin sedang memberi penerangan kepada Ramlan di lokasi sampah haram berhampiran Batu Hampar Jugra semalam.



Shahizat (depan) dan Azman melihat keadaan lokasi sampah haram yang memberi masalah.

Bagi seorang penduduk, Azman Abdul Aziz, 35, berkata, beliau yang sudah lama tinggal di kawasan itu berasa hairan dengan masyarakat yang mengambil jalan mudah semata-mata hendak mengaut keuntungan.

Katanya, dia berharap sangat mana-mana pihak yang ingin membuang sampah memikirkan alternatif lain yang lebih rasional untuk membuang sampah mereka.

"Mereka ni nak senang saja...saya tau ada pihak yang benarkan buang sampah di situ tapi janganlah buang ikut suka.

"Kalau macam ni gayanya tak

mustahil sebulan akan datang kawasan ini menjadi kawasan 'hotspot' buang sampah dan boleh jadi terbesar di Kuala Langat," katanya.

## Ada pihak benarkan buang sampah

Ketua Kampung Permatang Pasir, Ramlan Abdul Adi yang hadir ke lokasi tempat pembuangan sampah semalam mengakui dia telah membenarkan pihak terbabit membuang sampah di kawasan berkenaan.

Menurutnya, tujuan asalnya berbuat demikian kerana ingin menimbus kawasan itu supaya rata.



Ketua Penolong Pegawai Tanah, Pejabat Daerah Kuala Langat, Azhar Alias (tiga, kiri) turut hadir melihat sendiri keadaan lokasi tapak pembuangan sampah haram bersama penguat kuasa MDKL.

"Saya akui sebenarnya salah, dan tak sangka sangat ada pula kawasan lain yang turut dijadikan lokasi pembuangan sampah haram.

"Memang saya tak tahu ada kawasan lain terlibat. Saya akan panjangkan perkara ini kepada pihak yang bertanggungjawab supaya masalah yang sama tak berulang lagi," katanya yang berjanji akan membersihkan kawasan itu semula selewat-lewatnya Ahad ini.

Ramlan turut memberitahu, beliau telah membuat beberapa perancangan termasuk menghantar permohonan kepada MDKL untuk menambak semula kawasan itu.

Dalam pada itu, Ramlan turut berjumpa dengan wakil penguat kuasa yang hadir semalam memaklumkan status pembuangan sampah tersebut.

Katanya lagi, beliau menerima apa

jua tindakan daripada pihak berkuasa tempatan mengenai salah laku pihak yang berkenaan.

## MDKL terus buat pemantauan

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah turun padang melihat lokasi sampah haram yang dimaksudkan.

Katanya, beberapa tindakan telah diambil termasuklah melihat kawasan-kawasan 'hotspot' lain yang menjadi tumpuan lokasi pembuangan sampah haram.

**Ikuti kenyataan Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali seterusnya esok mengenai beberapa operasi pembuangan sampah haram yang berjaya ditangani oleh pihak berkuasa tempatan tersebut ekoran aduan penduduk kampung.**



Longgokkan sampah haram yang dibuang di lokasi yang tidak sepatutnya.